



Apabila kerajaan Inggeris menolak permintaan Indonesia untuk membeli senjata kepadanya kerajaan Indonesia mengeluarkan ugutan bahawa mereka hendak membeli kepada orang lain. Ugutan cara ini cara anak-anak sih!

\* \* \*

Suratkhabar Awang Sulung ribut perkara gerakan orang pemberontak Indonesia yang ada berlindung di Malaya. Ia selalu membuat berita-berita daripada golongan Sukarno sahaja tetapi tidak mahu melihat keadaan yang besar, kezaliman-kezaliman yang berlaku dan dilakukan. Apakah ini ada apa-apanya A. Awang?

\* \* \*

Awang Sulung tuduh Ismail Ambiya' mengutamakan orang-orang *berdegree* sahaja yang berkelayakan mengadakan penyelidikan sastera dan kebudayaan. Cakap ini kerana tidakkah Ismail Ambiya' melupakan bahawa banyak orang yang tidak *berdegree* telah berjasa dalam perkembangan sastera dan kebudayaan? Jangan lupa kepada pengalaman orang Bung! Pengalaman lebih besar daripada *degree*.

\* \* \*

Kongres Kebudayaan di Melaka telah memutuskan bahawa kebudayaan Melayu ialah kebudayaan yang tidak berlawanan dengan agama Islam. Tetapi hingga hari ini tidak ada orang cerdik pandai (baik ulama atau orang-orang *berdegree*) yang menganalisa yang manakah kebudayaan Melayu yang telah menentang pengajaran agama Islam? Barangkali tuan Ismail Ambiya' dapat memberi penjelasan – sebab mereka

*berdegree* sedang ulama-ulama atau orang-orang Islam yang tidak *berdegree* harus tidak dapat memberi sebab mereka tidak ada kelayakan kerana tidak *berdegree*. Syabas Bung! Pengajian Islam tidak didasarkan kepada *degree* kerana terkadang-kadang orang yang mengaji di surau lebih tinggi ilmunya daripada orang-orang yang *berdegree* dari sekolah-sekolah.

\* \* \*

Ketua Menteri Tuan Lim Yew Hock, di dalam perjumpaan akhbar menyebut tentang kebimbangannya kerana orang-orang yang menganggur. Ia mengatakan bahawa sebabnya kerana banyak perusahaan-perusahaan membuang orang. Nampaknya yang dipandang oleh Tuan Lim yang banyak memberhentikan ialah perusahaan-perusahaan besar sahaja tetapi Tuan Lim tidak nampak bahawa yang lebih banyak daripada perusahaan kecil yang beribu-ribu itu. Cara penyelenggaraannya tentulah memusingkan kepala kalau sekiranya kerajaan Buruh masih mengutamakan buruh sahaja sedang melupakan kepada pengkaji-pengkaji.

\* \* \*

Tuan Lim ringkasnya mengatakan bahawa adalah hendak menjaga 1,000 orang buruh dengan memberatkan membeli barang-barang mahal bagi 1,500,000 orang? Benar Tuan Lim maka oleh itu peraturan mengutamakan buruh mesti diubah supaya perusahaan-perusahaan dapat hidup dan harga barang-barang dalam negeri lebih murah dari barang-barang luar negeri. Mengutamakan buruh ertinya membunuh banyak buruh yang lain Tuan Lim!

\* \* \*

Perselisihan telah didapati antara *Kafgemas* dengan Kementerian Pelajaran dengan kebijaksanaan Tunku. Sesungguhnya perbalahan ini tidak akan melarat jika Tunku dari mulanya bersifat sebagai “orang tua” yang menyelesaikan perselisihan anak-anaknya dengan baik – tidak mendengar sepihak sahaja. Di dalam apa-apa hal pun diucapkan *Al-hamdu li Allāh!*